

Pendirian saya konsisten - Ismail Sabri

BERA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau bukan merajuk apabila membuat keputusan tidak mempertahankan jawatan Naib Presiden UMNO pada pemilihan parti itu bagi sesi 2023-2026.

Ahli Parlimen Bera itu berkata, keputusan itu dibuat kerana beliau konsisten dengan pendirian bahawa semua jawatan dalam parti perlu dipertandingkan selaras perlembagaan dan idealisme UMNO.

“Saya bukan merajuk, tetapi saya konsisten dengan pendirian saya yang tidak bersetuju dua jawatan tertinggi UMNO iaitu Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan.

“Apabila saya bertanding Naib Presiden, ia memberi makna bahawa saya bersetuju dan mengiktiraf dua jawatan tertinggi UMNO tersebut tidak dipertandingkan,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Latihan Kebombaan Keselamatan Di Air di Waterfront Bera di Bera, Pahang, semalam. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD



ISMAIL Sabri Yaakob (tengah) dalam sidang akhbar selepas Majlis Latihan Kebombaan Keselamatan Di Air di Waterfront Bera di Bera, Pahang, semalam. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

Bera di sini semalam.

Beliau berpandangan bahawa Jabatan Pendaftaran Pertubuhan

(ROS) sepatutnya menangkan pemilihan UMNO kali ini kerana belum ada keputusan

dibuat berhubung usul tambahan yang diluluskan pada Perhimpunan Agung UMNO 2022 untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan.

“Sekarang ROS belum buat keputusan, sepatutnya keputusan dibuat sebelum tarikh tutup pemilihan UMNO,” ujarnya,

Ditanya hubungannya dengan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Ismail Sabri berkata, ia tiada masalah kerana beliau memang rapat dengan Ahmad Zahid termasuk ahli keluarga Presiden UMNO itu.

“Tidak ada masalah, saya secara peribadi bukan setakat rapat dengan Presiden, dengan Isteri, anak-anak Presiden saya rapat, saya kenal Presiden sejak sekolah lagi, tiada isu.

“Tetapi politik, perbezaan pandangan itu sahaja dan Presiden sentiasa mengatakan Presiden meraikan perbezaan pandangan dalam UMNO, saya dengan dia berbeza sedikit pan-

dangan” katanya.

Mengulas laporan *Utusan Malaysia* bahawa beliau akan bersara daripada politik, Ismail Sabri berkata, akhbar ini telah membuat kesilapan kerana memetik daripada sumber.

“Kadang-kadang sumber ini tidak berapa betul, dia kena dapatkan daripada saya sendiri.

“Sudah lama saya sebutkan, saya rasa sewaktu jamuan di Bera lebih sebulan lalu. Pertama, saya sebut saya belum membuat keputusan untuk bertanding atau tidak jawatan Naib Presiden, tetapi yang pasti saya bertanding Ketua UMNO Bahagian Bera kerana saya masih Ahli Parlimen Bera.

“Sewaktu tarikh tutup pencalonan, saya difahamkan oleh Setiausaha UMNO Bahagian hanya satu kertas pencalonan melalui bahagian Bera iaitu saya, kalau tiada yang hantar, saya menang tanpa bertanding sebagai Ketua UMNO Bahagian Bera,” katanya.